

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HIA 101 Pengantar Pengajian Islam

Masa: [3 jam]

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN
DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab soalan **SATU** [1] dan **DUA** [2] soalan pilihan yang lain.

1. Antara matlamat utama ajaran Islam ialah untuk menjamin kebajikan dan menolak keburukan. Matlamat ini dapat dicapai melalui penjagaan 3 perkara iaitu *Daruriyyat*, *Hajiyat* dan *Tahsinyyat*. Huraikan ketiga-tiga perkara tersebut.
2. Naluri semulajadi manusia memerlukan kepada agama. Bincangkan kenyataan ini secara ilmiah dan kritis dari aspek-aspek berikut:
 - [i] Tiga sebab utama kenapa dari segi fitrahnya manusia perlukan agama.
 - [ii] Pandangan beberapa tokoh pemikir Barat bahawa fenomena beragama adalah fenomena baru dan sengaja direka untuk kepentingan golongan tertentu.
 - [iii] Kedudukan agama berhadapan dengan kemajuan ilmu pengetahuan.
3. Bincangkan perkara-perkara berikut:
 - [i] Definisi al-Qur'an.
 - [ii] Cara al-Qur'an diturunkan dan hikmatnya.
 - [iii] Empat aspek mu'jizat al-Qur'an.

4. “Aqidah Tauhid” adalah merupakan asas ajaran Islam dari mana munculnya syariah dan Akhlak sebagai hasilnya.
 - [i] Huraikan pengertian Aqidah dan Tauhid.
 - [ii] Huraikan konsep Tauhid *Rububiyyah* dan Tauhid *Uluhiyyah*.
 - [iii] Bincangkan peranan Aqidah dalam menentukan perjalanan kehidupan sehari-hari.
5. Kebelakangan ini terdapat suara-suara yang mempertikaikan kedudukan al-Sunnah sebagai salah satu sumber asasi ajaran Islam di samping al-Qur'an.
 - [i] Jelaskan maksud al-Sunnah.
 - [ii] Dengan berdasarkan kepada ayat-ayat al-Qur'an dan hadith-hadith, jelaskan kedudukan al-Sunnah dalam Islam.
 - [iii] Huraikan sebab kenapa al-Sunnah tetap diperlukan sekalipun al-Qur'an sudah diwahyukan.
6. Syariah Islamiyyah adakah disalahfahami dalam erti kata yang sempit sebagai satu sistem kepercayaan dan ritual semata-mata. Apakah maksud syariah itu sendiri dan huraikan aspek-aspek yang terkandung dalam Syariah Islamiyyah.
7. Ijtihad adalah satu mekanisme yang digunakan oleh para mujtahid untuk mencari hukum bagi perkara-perkara baru yang tidak disebutkan hukumnya dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Bincangkan perkara-perkara berikut:
 - [i] Maksud Ijtihad itu sendiri.
 - [ii] Ruang lingkup Ijtihad.
 - [iii] Kedudukan dan kepentingan Ijtihad dalam perundangan Islam.